

Pas Keliru Pendirian Dan Perjuangan Parti Sendiri
Bernama
9 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- PAS masih gagal dan keliru untuk menyatakan pendirian parti sama ada memperjuangkan prinsip parti, atau terus mengikuti telunjuk parti komponen pakatan pembangkang, dalam falsafah perjuangan politik mereka, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Pendapat mereka (Prof Emeritus Datuk Dr Shahnnon Ahmad dan Datuk Dr Haron Din) jelas memperlihatkan PAS telah lari dari landasan perjuangan asas sebagai parti yang berlandaskan Ad-din itu falsafah perjuangan.

"Ini membuktikan terdapat kumpulan dalam PAS mahu kembali kepada perjuangan asal parti itu sekaligus menunjukkan hakikatnya ada kumpulan yang taksab dalam PAS dan tidak mahu terima apa yang berlaku ketika ini," katanya ketika ditemui pemberita di Parlimen Selasa.

Beliau mengulas kenyataan Sasterawan Negara Shahnnon yang juga anggota seumur hidup PAS, bahawa perjuangan politik PAS kini tidak lagi menepati kehendak Islam apabila parti itu bekerjasama dengan DAP.

Laporan Bernama semalam memetik Shahnnon yang antara lain berkata apa yang dilakukan PAS sekarang ialah hanya menuruti kehendak politik DAP dan pendekatan seumpama itu bercanggah dengan kehendak Islam kerana PAS sepatutnya memimpin dalam memperjuang Islam.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700735>